

**Pengecualian Peruntukan Kontraktor Tenaga Kerja Untuk Sektor Selain
Perladangan
Bernama
6 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam, melalui mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan mengumumkan pengecualian semua sektor selain perladangan daripada pemakaian peruntukan berkaitan kontraktor tenaga kerja.

"Perkara ini akan dilaksanakan menerusi Perintah Pengecualian mengikut Seksyen 2B Akta Kerja 1955 yang mana ia merupakan cadangan daripada pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sendiri," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata keputusan itu diambil bagi menyelesaikan kemelut berikutan bantahan MTUC terhadap pindaan melibatkan Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2011. Ia diluluskan Parlimen pada Disember 2011.

Antara peruntukan baru yang telah dibuat terhadap Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2011 adalah menggantikan takrifan 'sub-kontraktor tenaga kerja' kepada 'kontraktor tenaga kerja' dengan memasukkan perkataan 'prinsipal' ke dalam takrifan tersebut bagi memperluaskan pemakaian dan perlindungan kepada pekerja.

Beliau berkata kementerian telah mencari pelbagai alternatif bagi menyelesaikan kemelut itu termasuk dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Penggajian Menerusi Kontraktor Tenaga Kerja, namun pihak MTUC enggan menyertainya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650411>